

NOTA MAKLUMAN
MENGENAI
ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA DI TAPAK PELUPUSAN
SAMPAH HARAM KANGKAR TEBRAU, JOHOR
PADA
25 NOVEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. JAS telah menerima maklumat pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram daripada Balai Bomba Tebrau (Koordinat: 1.536871, 103.755661) pada jam 7.39 petang, 24 November 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

3. Siasatan dilakukan pada jam 10.15 pagi, 25 November 2025 dan mendapati kebakaran sisa bahan binaan dan sampah domestik di kawasan tapak pelupusan sampah haram berdekatan Sungai Tebrau.

4. Keadaan tapak pelupusan masih terbakar dan berasap di beberapa kawasan semasa siasatan dan operasi pemadaman sedang dilakukan oleh pihak Bomba semenjak 4 hari yang lepas.
5. Kawasan sensitif terhampir dengan lokasi kebakaran ialah Klinik Desa Kangkar Tebrau iaitu pada jarak 300 meter. Tiada aduan pencemaran yang diterima oleh JAS berikutan kebakaran tersebut.
6. Stesen IPU terhampir ialah stesen Institut Perguruan Temenggong Ibrahim (CA33J) dan status kualiti udara sepanjang tempoh kejadian adalah baik dengan bacaan IPU (43) secara purata.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

7. Pasukan penyiasat telah memasang *banner* Larangan Pembakaran Terbuka di kawasan tapak pelupusan.
8. JAS sedang mendapatkan status pemilikan tanah lokasi kebakaran dari Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru untuk tindakan selanjutnya.

SYOR

9. Kertas Siasatan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan dibuka untuk tindakan perundangan.

10. Pemantauan dan rondaan pencegahan pembakaran terbuka secara berkala akan dilakukan bagi memastikan aktiviti pembakaran terbuka tidak berulang di lokasi tersebut.


11. JAS akan memohon kerjasama daripada pihak SW Corp untuk tindakan lanjut bagi mencegah aktiviti pelupusan sampah haram di kawasan tersebut.

PENUTUP

12. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

25 November 2025



Gambar 1: Lokasi kebakaran di tapak pelupusan sampah haram (1.53692N 103.75554E) dan lokasi Klinik Desa Kangkar Tebrau





Gambar 2 - 4: Keadaan kebakaran di tapak pelupusan sampah haram yang masih berasap



Gambar 5: Pemasangan banner larangan pembakaran terbuka